



# Universiti awam perlu kongsi penyelidikan

Oleh [Mohd Roji Kawi](#) - Jun 12, 2023 @ 5:26pm  
[mdroji@bh.com.my](mailto:mdroji@bh.com.my)

KOTA SAMARAHAN :Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menggalakkan konsep keserakanan dilaksanakan 20 universiti awam di negara ini dalam melaksanakan penyelidikan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata menerusi konsep berkenaan, semua tenaga pengajar akademik di semua universiti awam digalak bergerak dalam satu pasukan ketika menjalankan penyelidikan.

Beliau berkata, kekuatan semua universiti itu harus digembleng kerana hasilnya akan menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara.

"Memang benar mereka bergerak atas nama universiti masing-masing, tetapi pada akhirnya mereka semua bertanggungjawab untuk meningkatkan lagi sektor pendidikan tinggi negara.

"Justeru, pendekatan kementerian ketika ini ialah melalui sektor pendidikan tinggi, kita gembleng segala kekuatan yang ada (di semua universiti awam) untuk digerakkan bagi membantu pembangunan negara," katanya pada sidang media sempena lawatan kerja pertamanya ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini, hari ini.

Turut hadir, Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi; Pengurus Lembaga Pengarah UNIMAS, Tan Sri Sulong Matjeraie dan Ahli Lembaga Pengarah UNIMAS yang juga Pengurus Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Seri Dr Syed Hussain Aljunid.

Mengulas lanjut, Mohamed Khaled berkata, sektor pendidikan tinggi sangat penting untuk menentukan hala tuju dan kebolehsaingan negara dalam menghadapi cabaran serta memeta perjalanan yang akan dapat memajukan negara.

Justeru, katanya, beliau meminta institut di sebuah universiti yang berjaya melakukan banyak penyelidikan supaya bersedia berkongsi hasilnya dengan institut di universiti lain.

"Dalam konteks ini, saya mengenal pasti kekuatan di sebuah universiti dan di UNIMAS misalnya, mereka mempunyai kekuatan dalam penyelidikan biodiversiti.

"Kita melihat keluasan Sarawak dan potensi biodiversiti dan ini meletakkan UNIMAS memainkan peranan lebih besar dalam menjayakan disiplin biodiversiti dalam negara," katanya.

Mohamed Khaled berkata, memang banyak institut biodiversiti di universiti lain, namun lokasi UNIMAS di Sarawak yang luas dan kaya dengan khazanah biodiversiti membolehkan universiti itu memainkan peranan menerajui penyelidikan dalam bidang itu.

"Dalam soal institut biodiversiti ini, paling penting kita mahu melihat pengurusan hutan lestari dan saya meminta dikongsi pencapaian ini dengan universiti lain.

"KPT sedang mengkaji perkara ini dalam menentukan apa yang perlu untuk kita gembleng segala kekuatan dan pastikan penyelidikan dilakukan secara bersepada untuk kita menghasilkan perkara yang boleh memberi impak besar dan bermakna kepada negara dari sudut penyelidikan," katanya.

Dalam lawatan itu, Mohamed Khaled turut mengadakan mesyuarat dan taklimat tertutup pengurusan tertinggi UNIMAS.

Beliau turut mengadakan lawatan ke Hab Innotech UNIMAS sebelum mengakhiri lawatan dengan meninjau tapak projek pembinaan Hospital Pengajar dan Pusat Perubatan UNIMAS.



Mohamed Khaled membuat lawatan kerja ke UNIMAS diiringi Matjeraie, Mohamad Kadim dan Syed Hussain (empat dari kiri). NSTP/NADIM BOKHARI